

## Bab 1

# PENDAHULUAN



Ibnu Abbas r.a meriwayatkan bahawa seorang wanita, Ummu Sulaim radhiallahu ‘anha pernah datang menemui Rasulullah S.A.W. lalu berkata:

*“Ya Rasulullah, suamiku Abu Talhah dan anaknya telah pergi menunaikan haji dan meninggalkan aku seorang.” Rasulullah menjawab: “Wahai Ummu Sulaim, melakukan satu umrah di dalam bulan Ramadhan adalah sama ganjarannya dengan haji yang dilakukan bersama-samaku.”*

(Riwayat Ibnu Hibban)

## PENGENALAN

Bab ini menerangkan mengenai latarbelakang dan keperluan bagi penyediaan Manual tadbir urus dalam pengurusan umrah. Ia juga akan menyingkap pengertian umrah serta prosedur dan perundangan yang bersangkutan. Secara umumnya, Manual Pengurusan Perkhidmatan Umrah (MPPU) adalah sebagai garis panduan pengelolaan perkhidmatan umrah. Manual ini akan membantu agensi-agensi pelancongan swasta dalam mengelolakan perkhidmatan umrah bagi jemaah Malaysia. Selain itu, penyediaan Manual ini juga bertujuan untuk memberikan penjelasan kepada pembaca mengenai proses yang teratur dan sistematik dalam pentadbiran dan pengurusan umrah. Penerbitan Manual ini juga merupakan satu langkah JAWHAR untuk memastikan supaya proses pengurusan umrah dapat dijalankan secara professional dan terbaik bagi umat Islam.

## **LATARBELAKANG**

### **a) Skop Manual**

Manual ini menerangkan mengenai aspek-aspek yang berkaitan dengan pengurusan umrah sahaja.

### **b) Justifikasi Penyediaan Manual**

Antara perkara-perkara berbangkit dalam pengurusan umrah adalah:

- i. Kekeliruan dalam proses pendaftaran sebagai agensi pengelola umrah.
- ii. Kontrak yang tidak jelas antara agensi pengelola umrah dengan Kedutaan Arab Saudi.
- iii. Terdapat kelemahan dalam pengurusan:
  - a. Pengeluaran visa yang tidak sah.
  - b. Terdapat orang tengah dalam pengurusan.

### **c) Kaedah Penyediaan Manual**

Manual ini diterbitkan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji. Penyediaannya melibatkan beberapa siri perbincangan dan input serta maklumat terkini daripada Kementerian Pelancongan Malaysia, Kedutaan Arab Saudi, *Tabung Haji Travel and Services* dan *Andalusia Travel and Tours* yang berpengalaman dalam mengendalikan pengurusan umrah.

### **d) Objektif Penyediaan Manual**

Objektif penyediaan manual ini ialah untuk:

- i. Menyediakan garis panduan yang jelas mengenai pengurusan umrah.

- ii. Menyeragamkan kaedah pengurusan umrah secara profesional bagi setiap agensi pengelola umrah.
- iii. Menambahbaik dan meningkatkan tahap kecekapan pengurusan umrah.

## PENGETIAN UMRAH

Umrah dari segi bahasa bermakna ziarah atau menuju ke tempat yang makmur. Ia sesuai dimaksudkan demikian kerana boleh dilakukan pada bila-bila masa. Pengertian Umrah mengikut syara' pula ialah mengunjungi Kaabah untuk melakukan ibadah iaitu tawaf dan sa'ie menurut syarat-syarat wajibnya. Walaupun bagi sesetengah ulama berpendapat bahawa umrah adalah ibadah sunat, namun ulama Mazhab Syafi'i dan Hambali menyatakan bahawa ianya adalah wajib berdasarkan pada dalil al-Qur'an berikut:<sup>1</sup>

..... وَأَتَمُّوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ

*“Dan sempurnakanlah ibadah haji dan umrah kerana Allah.... ..”*

(al-Baqarah: ayat 196)

Pengertian umrah pada hukum syarak ialah menziarahi Baitullah al-Haram kerana mengerjakan tawaf dan sa'ie dengan menurut syarat-syaratnya wajibnya. Allah S.W.T. berfirman di dalam al-Quran:

فَمَنْ حَجَّ الْبَيْتَ أَوْ اعْتَمَرَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ أَنْ يَطَّوَّفَ بِهِمَا.

*“Maka barang siapa yang hendak melakukan haji ke Baitullah atau melakukan umrah, maka tidaklah menjadi halangan baginya bahawa ia berlari-lari antara keduanya”.*

(al-Baqarah: ayat 158)

---

<sup>1</sup> Dato' Setia Jasa Dato' Hj. Mohd Saleh bin Hj. Awang (Misbaha). 2001. *Teman Anda Ke Tanah Suci*. Times Books International.

## FADHILAT DAN KELEBIHAN UMRAH

Ibadat umrah dan haji adalah syariat agama Allah S.W.T yang mengandungi pelbagai rahsia dan hikmat. Di antara hikmat-hikmat yang dapat diselami adalah untuk melatih umat Islam supaya bersatu haluan dalam mempertingkatkan syiar Islam, berganding bahu untuk menegakkan agama Allah S.W.T. supaya perhubungan di antara masyarakat Islam terjalin lebih erat, lebih mesra lagi tanpa mengira warna kulit biarpun berlainan bahasa percakapan, adat resam dan kebudayaan.<sup>2</sup>

Bagi amalan sa'ie dapat direnungi kembali peristiwa Siti Hajar, isteri kepada Nabi Ibrahim a.s. yang berlari berulang-alik antara Bukit Safa dan Marwah di tengah-tengah padang pasir yang cuacanya panas dan kering untuk mencari air bagi anaknya yang masih bayi. Bila Siti Hajar kembali kepada anaknya dilihat air zam-zam terpancar dari bumi tempat kaki Nabi Ismail a.s.. Daripada peristiwa ini umat Islam dapat menanam semangat perjuangan supaya terus berusaha dan tidak mudah putus asa melalui rintangan kehidupan.<sup>3</sup>

Mengerjakan umrah dan haji sesungguhnya menghapuskan dosa. Sekiranya ibadat tersebut mendapat mabrur (amalan baik yang diterima oleh Allah S.W.T.) akan memperolehi syurga. Dalam sebuah hadis lain, Rasulullah S.A.W. bersabda bahawa dosa-dosa yang dilakukan selepas satu umrah diampunkan melalui umrah yang berikutnya. Oleh itu, Sebarang kesilapan atau dosa yang telah dilakukan di antara dua umrah akan terhapus.

Hikmat kedua-dua kota di Tanah Suci iaitu amalan ibadatnya digandakan pahala. Dalam konteks ini, sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud bahawa sesudah Mekah, maka tidak ada tanah yang lebih utama di bumi ini selain daripada kota Madinah yang digelar dengan nama Madinatul Rasul atau kotanya Rasulullah S.A.W.

---

<sup>2</sup> Hafiz Riduan Bin Hj. Md. Daud Che Ngah. 2000. *Panduan 'Umrah*. Synergymate Sdn. Bhd.

<sup>3</sup> Jawatankuasa Ibadat Haji dan Pusat Islam. 1990. *Ibadat Haji: Umrah dan Ziarah*. Lembaga Tabung Haji.

Amalan-amalan yang dilakukan di Masjid Nabawi akan mendapat pahala yang berlipat ganda dan juga mendapat syafa'at daripada Rasulullah S.A.W. Baginda juga bersabda yang bermaksud bahawa solat di Masjid Nabawi lebih afdal daripada masjid-masjid yang lain sebanyak seribu kali solat kecuali Masjidil Haram, manakala bersolat di masjidnya sebanyak empat puluh waktu dengan tidak tinggal walaupun satu waktunya nescaya dilepaskan mereka daripada azab neraka dan juga azab kubur. Orang-orang yang mengerjakan haji dan umrah, adalah utusan Allah S.W.T. sekiranya mereka memohon sesuatu, dikurniakanNya; jika mereka berdoa, dimakbulkan doanya; dan jika mereka membelanjakan sesuatu maka digantikanNya.

Ibadat umrah adalah lambang perpaduan umat Islam yang sentiasa berada dalam ikatan uhkuwah yang kukuh bagi memperkasakan maruah umat dan kesucian Islam. Umpamanya menerusi aktiviti tawaf dapat dilihat dengan jelas semangat perpaduan dan persaudaraan umat Islam yang begitu erat sesama manusia, tidak kira raja, rakyat miskin atau kaya, sama sahaja taraf mereka ketika mengerjakan ibadat dan semuanya berpakaian seragam (ihram) bersama-sama mengabdikan diri kepada Allah S.W.T. dan memartabatkan imej serta meningkatkan syiar Islam di persada dunia.<sup>4</sup>

## **PENUTUP**

Manual Pengurusan Perkhidmatan Umrah (MPPU) ini dihasilkan berdasarkan skop, justifikasi serta objektif yang telah dikenal pasti. Manual ini memaparkan garis panduan dan tatacara berkaitan dengan pengelolaan perkhidmatan umrah bagi membantu dan memudahkan pengelola umrah dalam menguruskan hal ehwal jemaah umrah Malaysia. Bab ini juga menerangkan tentang prosedur proses pentadbiran dan pengurusan umrah yang sistematik dan teratur bagi setiap pembaca yang ingin mengetahui mengenai pengelolaan perkhidmatan umrah.

---

<sup>4</sup> 'Atiq bin Gatis Al-Biladi. 2001. *Jejak Rasul: Rahsia Mekah*. Al-Hidayah Publishers.



## Bab 2

# PROSEDUR PENDAFTARAN PENGELOLA UMRAH



Abu Hurairah radhiaallahu ‘anhu meriwayatkan bahawa Rasulullah S.A.W. bersabda:

*“Para haji dan mereka yang melakukan umrah adalah wakil-wakil Allah. Apabila mereka berdoa kepadaNya, Dia menjawab doadoda mereka dan apabila mereka memohon keampunanNya, Dia mengampunkan mereka”.*

(Riwayat Ibnu Majah)

## PENGENALAN

Bab ini menjelaskan mengenai proses pendaftaran agensi umrah dengan pihak Kementerian Pelancongan, proses pendaftaran persatuan agensi pelancongan dengan pihak *Malaysian Association of Tour and Travel Agents (MATTA)* serta proses pendaftaran agensi pengelola umrah dengan pihak Kementerian Haji Arab Saudi. Penjelasan-penjelasan ini mengandungi proses kerja, carta aliran dan senarai semak bagi setiap prosedur tersebut.

## PROSES PENDAFTARAN AGENSI PELANCONGAN DENGAN KEMENTERIAN PELANCONGAN MALAYSIA

Rasional pendaftaran agensi pelancongan adalah untuk memastikan bahawa semua syarikat pelancongan dan mereka yang ingin terlibat dalam industri pelancongan perlu memiliki lesen yang sah dan diiktiraf untuk menjalankan aktiviti tersebut sebagaimana yang termaktub dalam Akta Industri Pelancongan, 1992. Contoh borang Permohonan Lesen Pelancongan adalah seperti di Lampiran A.


## i. Proses Kerja Bagi Pendaftaran Agensi Pelancongan Dengan Kementerian Pelancongan Malaysia

Bil.	Proses Kerja	Pegawai / Jabatan Yang Meluluskan / Dirujuk
1.	Menerima permohonan daripada syarikat yang telah berdaftar sebagai sebuah <b>Syarikat Sendirian Berhad</b> dan diperbadankan di bawah <b>Akta Syarikat, 1965</b> .	Pembantu Tadbir
2.	Permohonan hendaklah dengan mengemukakan satu salinan <b>Borang 1 (Peraturan 3)</b> atau dua salinan jika di hantar ke Pejabat Pelesenan Wilayah beserta dengan dokumen sokongan.	Pembantu Tadbir
3.	Borang yang lengkap dikemukakan ke Bahagian Pelesenan melalui Pejabat Pelesenan Wilayah yang berkenaan.	Pembantu Tadbir
4.	Menyertakan <i>fee</i> pemprosesan sebanyak RM100.00 bagi setiap permohonan dalam bentuk Bank Draf / Kiriman Wang / Wang Pos atas nama <b>Pesuruhjaya Pelancongan</b>	Pembantu Tadbir
5.	Pemohon hendaklah menjelaskan kompaun mengikut AIP 1992 sebelum permohonan diproses (jika ada).	Pembantu Tadbir
6.	Sekiranya permohonan diluluskan, Kementerian akan mengeluarkan <b>Surat Kelulusan Bersyarat bagi tempoh dua (2) bulan untuk tujuan penyediaan Premis Operasi</b> .	Pegawai Berkenaan dan Pembantu Tadbir
7.	Lesen dan pelekat premis hanya akan dikeluarkan apabila keperluan ruang premis (dinyatakan dalam surat kelulusan) dan fi pelesenan telah dipenuhi/dilunaskan oleh pemohon.	Pegawai Berkenaan dan Pembantu Tadbir


**Nota:** Mengikut piagam pelanggan Kementerian Pelancongan, proses kerja ini (melibatkan tarikh permohonan lengkap sehingga surat kelulusan daripada Jawatankuasa Penilaian dikeluarkan) akan mengambil masa selama 35 hari bekerja.



## ii. Carta Aliran Bagi Pendaftaran Agensi Pelancongan Dengan Kementerian Pelancongan Malaysia



## ii. Carta Aliran Bagi Pendaftaran Agensi Pelancongan Dengan Kementerian Pelancongan Malaysia



### iii. Senarai Semak Bagi Pendaftaran Agensi Pelancongan Dengan Kementerian Pelancongan Malaysia

#### Dokumen-Dokumen Sokongan Yang Perlu Disertakan untuk Permohonan Lesen Baru Syarikat Pelancongan

Bil.	Tindakan	Ditanda (✓)
1.	Borang 1 (Peraturan 3) dilengkapkan.	
2.	Gambar warna terbaru berukuran pasport setiap Ahli Lembaga Pengarah dan Pemegang Saham Modal Berbayar.	
3.	Borang ditandatangani oleh Pengarah/Setiausaha Syarikat dan dilengkapi dengan cop syarikat.	
4.	Kertas kerja yang lengkap mengikut garis panduan yang dilampirkan (rujuk <b>Lampiran B</b> ) hendaklah disertakan dengan salinan dokumen-dokumen berikut: i. Sijil pemegang saham bagi setiap pemegang saham modal berbayar. ii. Pengalaman Kerja Lembaga Pengarah dan Pemegang Saham. iii. Pakej Pelancongan yang ditawarkan. iv. Surat sokongan hubungan perniagaan ( <i>networking/Business Contact</i> ) dengan agensi luar negara ( <i>Outbound Sahaja</i> ).	
5.	<i>Memorandum and Articles of Association</i> (mengandungi perkataan " <i>carry business in Travel Agency</i> ").	
6.	* Borang 9 – <i>Certificate of Incorporation</i> .	
7.	* Borang 13 – <i>Change of Name of Company</i> .	
8.	* Borang 24 – <i>Return of Allotment of Shares</i> .	
9.	* Borang 32A – <i>Transfer of Securities</i> .	
10.	* Borang 49 – <i>Return Giving Particulars in Register of Directors, Managers and Secretaries And Changes of Particulars</i> .	
11.	Fi Permohonan RM100.00 dalam bentuk Bank Deraf/Wang Pos atas nama Pesuruhjaya Pelancongan.	

\* Hendaklah disahkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

## PROSES PENDAFTARAN PERSATUAN AGENSI PELANCONGAN DENGAN MATTA

MATTA (Persatuan Ejen-Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia) adalah merupakan satu agensi yang bertindak untuk menjaga kebajikan agensi-agensi pelancongan dengan pelanggan. Ianya juga sebagai orang tengah di antara Kementerian Pelancongan dan agensi-agensi pelancongan serta menyelaras pelbagai isu dan masalah dalam pengurusan pentadbiran antara agensi pelancongan dan agensi lain yang berkaitan. Pendaftaran sebagai ahli MATTA adalah wajib dipatuhi oleh setiap agensi pelancongan sebagaimana yang telah diperuntukkan di dalam Akta Industri Pelancongan, 1972.


### i. Proses Kerja Bagi Pendaftaran Persatuan Agensi Pelancongan Dengan MATTA

Bil.	Proses Kerja	Pegawai / Jabatan Yang Meluluskan / Dirujuk
1.	Mendapatkan lesen atau surat kelulusan permohonan daripada Kementerian Pelancongan Malaysia.	Kementerian Pelancongan
2.	Mendapatkan borang pendaftaran keahlian MATTA (contoh di <b>Lampiran C</b> ) melalui: i. laman web <a href="http://www.matta.org.my">www.matta.org.my</a> ; atau ii. pejabat MATTA	MATTA
3.	Mengisi borang pendaftaran keahlian dengan disertakan salinan bagi dokumen-dokumen berikut: i. *Borang 24 ii. *Borang 49 iii. *Borang 9 iv. *Surat Kelulusan Permohonan atau Lesen dari Kementerian Pelancongan Malaysia v. * <i>Memorandum and Article of Association</i> [muka surat <i>objects of company</i> sahaja] vi. Pembayaran Yuran:	Kementerian Pelancongan  Pendaftar Syarikat  MATTA

Bil.	Proses Kerja	Pegawai / Jabatan Yang Meluluskan / Dirujuk
	<u>Yuran Kemasukan [sekali pembayaran]</u> Aktif :RM500.00 Cawangan :RM100.00 Associate / Affiliate :RM500.00 <u>Yuran Tahunan</u> Aktif :RM 250.00 Cawangan :RM 125.00 Associate :RM 150.00 Affiliate :RM 100.00	
4.	Menerima ***Surat Akuan Terima' (Penerimaan Permohonan) daripada MATTA untuk dikemukakan kepada Kementerian Pelancongan.	MATTA Kementerian Pelancongan
5.	Borang pendaftaran yang lengkap akan dibentangkan untuk kelulusan Jawatankuasa Pengurusan MATTA.	Jawatankuasa Pengurusan dan Majlis Eksekutif MATTA
6.	Borang pendaftaran yang ' <b>DILULUSKAN</b> ' akan direkodkan dan agensi pelancongan yang berjaya menjadi ahli MATTA akan menerima: <ol style="list-style-type: none"> <li>i. ***Surat Kelulusan Pendaftaran</li> <li>ii. Sijil Keahlian</li> <li>iii. Resit Pembayaran (yuran kemasukan + yuran tahunan)</li> <li>iv. Salinan <i>MATTA Constitution</i> [terkini]</li> <li>v. Salinan <i>MATTA Code of Ethics for Members</i></li> <li>vi. Pelekat MATTA (pamerkan di pintu pejabat)</li> <li>vii. Salinan majalah 'Suara MATTA'.</li> </ol>	MATTA

- Nota:**
- \* Disahkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia.
  - \*\* Surat Akuan Terima akan dikeluarkan dalam masa 2 hari selepas pendaftaran.
  - \*\*\* Manakala Surat Kelulusan Pendaftaran akan dikemukakan dalam masa 60 hari bekerja selepas surat akuan terima dikeluarkan.

## ii. Carta Aliran Bagi Pendaftaran Persatuan Agensi Pelancongan Dengan MATTA



### iii. Senarai Semak Bagi Pendaftaran Persatuan Agensi Pelancongan Dengan MATTA

Bil.	Tindakan	Ditanda (✓)
1.	Mempunyai lesen atau surat permohonan dari Kementerian Pelancongan Malaysia.	
2.	Mengisi borang keahlian MATTA berserta salinan dokumen-dokumen berikut:	
	i. * Borang 24.	
	ii. * Borang 49.	
	iii. * Borang 9.	
	i. Surat Kelulusan Permohonan atau pun Lesen dari Kementerian Pelancongan Malaysia.	
	iv. <i>Memorandum and Article of Association</i> (muka surat 'objects of company' sahaja).	
	vi. Pembayaran Yuran.	
3.	Menerima 'Surat Akuan Terima'.	
4.	Pendaftaran direkodkan dan ahli akan menerima:	
	i. Surat Kelulusan Pendaftaran.	
	ii. Sijil Keahlian.	
	iii. Resit Pembayaran.	
	iv. Salinan <i>MATTA Constitution</i> (terkini).	
	v. Salinan <i>MATTA Code of Ethics for Members</i> .	
	vi. Pelekat MATTA (pamerkan di pintu pejabat).	
vii. Salinan majalah 'Suara MATTA'.		

Nota: \* Disahkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

## PROSES PENDAFTARAN AGENSI PENGELOLA UMRAH DENGAN KEDUTAAN ARAB SAUDI

Untuk menjadi agensi pengelola umrah yang sah dan diiktiraf, setiap agensi pelancongan yang ingin menjalankan aktiviti tersebut perlu mendapatkan kelulusan daripada pihak Kedutaan Arab Saudi. Ini adalah merupakan satu syarat wajib yang perlu dipatuhi oleh setiap agensi pelancongan yang melaksanakan aktiviti tersebut berdasarkan kepada peraturan yang dikemukakan oleh Kementerian Haji Arab Saudi. Hanya agensi yang berdaftar dengan Kedutaan Arab Saudi sahaja akan mendapat pengiktirafannya untuk memohon visa umrah bagi pihak jemaah. Setiap agensi pengelola umrah di Malaysia juga perlu menandatangani kontrak perkhidmatan (*contract of service*) dengan agensi umrah di tanah suci (*muassasah*) yang berdaftar dengan Kementerian Haji Arab Saudi.


### i. Proses Kerja Bagi Pendaftaran Agensi Pengelola Umrah Dengan Kedutaan Arab Saudi


Bil.	Proses Kerja	Pegawai/Jabatan Yang Meluluskan/Dirujuk
1.	Agensi Pengelola Umrah perlu mempunyai salinan lesen berikut: i) Lesen Kementerian Pelancongan ii) Lesen IATA	Pengarah Urusan Agensi Pengelola Umrah
2.	Menandatangani kontrak perkhidmatan dengan syarikat muassasah yang dipercayai dan berdaftar dengan Kementerian Haji Arab Saudi.	Pengarah Urusan Agensi Pengelola Umrah
3.	Buat permohonan kepada bank tempatan untuk menjamin <i>counter-guarantee</i> sejumlah SAR100,000.	Institusi Kewangan/Bank Tempatan.
4.	Hantar kontrak perkhidmatan kepada Kementerian Luar Negeri untuk disahkan.	Agensi Pengelola Umrah dan Kementerian Luar Negeri, Malaysia.



<b>Bil.</b>	<b>Proses Kerja</b>	<b>Pegawai/Jabatan Yang Meluluskan/Dirujuk</b>
5.	Hantar kontrak perkhidmatan yang telah disahkan oleh Kementerian Luar Negeri untuk disahkan oleh Notari Awam.	Notari Awam
6.	Mohon surat kepada Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia untuk mengesahkan syarikat sebagai agensi pengelola umrah yang sah.	Agensi Pengelola Umrah dan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia.
7.	Melengkapkan semua dokumen ( <b>silalahat senarai semak muka surat 19</b> ) sebelum dihantar ke Kedutaan Arab Saudi untuk didaftarkan.	Agensi Pengelola Umrah
8.	Mengisi borang Kad Khas seperti di <b>Lampiran D</b> untuk mendaftarkan kerani bagi mengendalikan proses permohonan visa di Kedutaan Arab Saudi.	Agensi Pengelola Umrah dan Kedutaan Arab Saudi
9.	Menghantar kontrak perkhidmatan yang telah berdaftar dengan Kedutaan Arab Saudi kepada syarikat muassasah untuk didaftarkan di Kementerian Haji Arab Saudi.	Agensi Pengelola Umrah, Syarikat muassasah dan Kementerian Haji Arab Saudi.
10.	Mendapatkan kod kata laluan dari syarikat muassasah.	Agensi Pengelola Umrah dan Syarikat muassasah
11.	Proses pendaftaran selesai. Agensi pengelola umrah boleh memohon visa bagi jemaah umrah melalui sistem yang dikendalikan oleh Kementerian Haji Arab Saudi.	Agensi Pengelola Umrah

## ii. Carta Aliran Bagi Pendaftaran Agensi Pengelola Umrah Dengan Kedutaan Arab Saudi





### iii. Senarai Semak Bagi Pendaftaran Kontrak Muassasah Oleh Agensi Pengelola Umrah

BIL.	TINDAKAN	TANDA (✓)
1.	Memastikan dokumen-dokumen berikut disediakan untuk pendaftaran di Kedutaan Arab Saudi.	
2.	3 salinan asal Kontrak Perkhidmatan Muassasah.	
3.	Salinan asal surat pengesahan dari Kementerian Pelancongan.	
4.	Salinan lesen IATA yang disahkan.	
5.	Sesalinan dokumen syarikat yang disahkan oleh Setiausaha Syarikat iaitu Borang 24, 49 dan <i>Memorandum and Articles of Association</i> .	
6.	Laporan profil penuh mengenai agensi pengelola umrah yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).	
7.	Sesalinan sijil pendaftaran syarikat agensi pengelola umrah yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia yang disahkan.	
8.	<i>Counter-guarantee</i> sebanyak SAR100,000.00.	
9.	3 deraf bank kepada <i>Royal Embassy Of Saudi Arabia</i> bagi jumlah RM30.00 setiap satu.	

## PENUTUP

Agensi pengelola umrah perlu mematuhi prosedur dan peraturan yang telah ditetapkan. Walaupun ia adalah suatu perkara yang rumit, ianya WAJIB dipatuhi untuk mengelakkan dari timbulnya permasalahan di masa hadapan. Proses kerja, carta aliran dan senarai semak bagi setiap prosedur adalah merupakan sebagai panduan kepada agensi pengelola umrah untuk menguruskan perkhidmatan umrah dengan teratur dan memuaskan hati pelanggan. Dengan ini semua pihak yang terlibat akan mendapat manfaat daripada pengurusan umrah yang efektif dan professional.

### Bab 3

# PROSEDUR PENGURUSAN VISA UMRAH



Hadis Jabir bin Suraqah bahawa beliau bertanyakan Rasulullah S.A.W. tentang umrah, katanya:

*“Wahai Rasulullah, apakah untuk tahun ini sahaja ataupun untuk selama-lamanya?”. Lalu Nabi S.A.W. memasukkan jarinya ke dalam jari yang lain, sabdanya: “Umrah masuk ke dalam haji, umrah masuk ke dalam haji. Bahkan ia adalah untuk selama-lamanya”.*

(Riwayat Muslim)

## PENGENALAN

Bab ini menerangkan proses permohonan visa umrah oleh agensi pengelola umrah dengan pihak Kedutaan Arab Saudi yang mana ianya mengandungi proses kerja, carta aliran dan senarai semak yang mudah, teratur dan perlu dipatuhi.

## PROSES PERMOHONAN VISA OLEH JEMAAH UMRAH


Proses permohonan visa oleh jemaah umrah adalah berdasarkan kepada peraturan yang ditetapkan oleh Kedutaan Arab Saudi dan Kementerian Haji Arab Saudi. Tempoh masa bagi proses permohonan visa ini adalah selama 14 hari bekerja.

## i. Proses Kerja Permohonan Visa oleh Jemaah Umrah

Bil.	Proses Kerja	Pegawai/Jabatan Yang Meluluskan/Dirujuk
1.	Menerima permohonan jemaah dan memastikan dokumen dilengkapkan berserta bayaran yang secukupnya (RM180 – RM200).	Pegawai/Kerani Agensi Pengelola Umrah
2.	Masukkan data (maklumat peribadi jemaah seperti yang tertera di dalam pasport, jadual penerbangan, tempat penginapan dan mahram) ke dalam sistem Kementerian Haji Arab Saudi yang dikelolakan oleh muassasah yang berkaitan. (Nota: Data hanya boleh dimasukkan seawal-awalnya 30 hari dan selewat-lewatnya 14 hari sebelum tarikh penerbangan).	*Pegawai/Kerani
3.	Hantar ( <i>up load</i> ) maklumat dalam sistem Kementerian Haji Arab Saudi dan tunggu kelulusan. (Status dalam sistem: <i>Waiting for Payment</i> ).	*Kerani
4.	Hantar arahan ke muassasah untuk buat bayaran ke Kementerian Haji Arab Saudi. (Status dalam sistem: <i>Waiting for MOFA/Ministry of Foreign Affairs, Arab Saudi</i> ).	*Kerani
5.	Menerima kelulusan dari MOFA, Arab Saudi. (Status dalam sistem: <i>MOFA success</i> ). Sediakan <i>manifest</i> dan pastikan dokumen sokongan dilengkapkan sebelum dihantar ke Kedutaan Arab Saudi.	*Kerani
6.	Serah pasport dan dokumen yang lengkap ke Kedutaan Arab Saudi .	*Kerani
7.	Visa diluluskan. Pastikan butiran pada pelekat visa betul dan teratur.	*Pegawai/Kerani

**Nota:** \* Kerani yang diberi kuasa menggunakan Kad Khas oleh Kedutaan Arab Saudi.

## ii. Carta Aliran Permohonan Visa oleh Jemaah Umrah



### iii. Senarai Semak Bagi Permohonan Visa oleh Jemaah Umrah

BIL.	TINDAKAN	TANDA (✓)
1.	Pastikan jemaah mengemukakan dokumen-dokumen yang lengkap untuk permohonan visa seperti berikut:	
	i. Pasport (tempoh sah laku masih 6 bulan dari tarikh penerbangan).	
	ii. Dua keping gambar berukuran 6 x 4 cm dan berlatar belakang putih.	
	iii. Kad suntikan AC WY 135.	
	iv. Dokumen dan surat sokongan bagi jemaah wanita atau kanak-kanak di bawah 18 tahun seperti berikut:	
	Jemaah wanita dan kanak-kanak memerlukan dokumen sokongan tambahan berikut:	
	a. salinan surat nikah jika pergi bersama suami.	
	b. salinan surat beranak jika bermahramkan adik-beradik lelaki atau ibu bermahramkan anak lelaki (18 tahun ke atas sahaja).	
	c. surat akuan sumpah dan salinan kad pengenalan mahram (saudara lelaki yang memberi keizinan) untuk lain-lain wanita (yang tidak termasuk dalam perkara a atau b).	
	Jemaah bukan warganegara Malaysia yang bekerja atau menetap di Malaysia, perlu mengemukakan salinan permit kerja yang disahkan pada pelekat di dalam pasport dan surat kebenaran daripada majikan.	
2.	Pastikan data dimasukkan dengan betul mengikut butiran di dalam pasport asal.	
3.	Pastikan kemasukan data dibuat seawal-awalnya 30 hari dan selewat-lewatnya 14 hari dari tarikh penerbangan.	
4.	Pastikan <i>manifest</i> penyerahan pasport disediakan mengikut data yang telah diluluskan oleh Kementerian Haji Arab Saudi.	
5.	Selepas visa diluluskan, pastikan maklumat yang tertera di pelekat visa betul dan teratur.	



## **PENUTUP**

Prosedur serta proses permohonan visa umrah adalah tertakluk kepada peraturan serta ketetapan dari pihak Kedutaan Arab Saudi. Walaupun pada dasarnya tiada sebarang bayaran dikenakan untuk memohon dan mendapatkan visa daripada pihak kedutaan, namun begitu pihak muassasah di Tanah Suci mengenakan bayaran ke atas perkhidmatan yang mereka sediakan.



## Bab 4

# PROSEDUR PENGENDALIAN JEMAAH UMRAH

---

Firman Allah S.W.T:

*“Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan dalam melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah amat berat azab siksaan (bagi sesiapa yang melanggar perintahnya).”*

(al-Maidah: ayat 2)

## PENGENALAN

Bab ini mengupas pengurusan awal umrah semasa di Tanah Air yang meliputi proses penyediaan kursus bimbingan dan bahan rujukan, proses penyediaan petugas atau pegawai bimbingan, proses penyediaan pemantapan fizikal dan mental jemaah dan proses semakan dokumen jemaah. Bab ini juga meneliti isu-isu pengurusan semasa umrah yang merangkumi proses pengendalian pengangkutan, proses penyediaan penginapan serta proses pengendalian semasa beribadah. Akhir sekali, bab ini menyarankan pengurusan di akhir umrah iaitu termasuk proses pengawasan kepulangan jemaah ke Tanah Air dan proses kaji selidik serta penilaian perkhidmatan umrah yang disediakan oleh agensi pengelola umrah.

## **PENGURUSAN AWAL UMRAH (PENGURUSAN DI TANAH AIR)**


### **a) Proses Penyediaan Kursus Bimbingan Dan Bahan Rujukan**

Penyediaan kursus bimbingan dan penyediaan bahan rujukan adalah perkara yang perlu dititikberatkan oleh setiap agensi pengelola umrah. Ianya adalah bertujuan untuk menerangkan tatacara mengerjakan umrah dengan betul dan aturcara perjalanan yang akan dilalui oleh setiap jemaah yang mengikuti pakej umrah. Penyediaan bahan-bahan rujukan, panduan ibadah dan perjalanan program merupakan satu kaedah yang dapat memudahkan para jemaah untuk memahami aktiviti mereka dengan lebih sempurna kerana selain dari taklimat atau kursus yang disertai, jemaah juga memerlukan kepada bahan bacaan untuk lebih memahami tatacara mengerjakan ibadat tersebut.

### **i. Proses Kerja Bagi Penyediaan Kursus Bimbingan Dan Bahan Rujukan**

<b>Bil.</b>	<b>Proses Kerja</b>	<b>Pegawai / Jabatan Yang Meluluskan / Dirujuk</b>
1.	Kenalpasti jadual keberangkatan jemaah yang akan dijalankan.	Pegawai Umrah
2.	Buat persediaan logistik.	Pegawai Umrah
3.	Edarkan bahan-bahan bacaan dan rujukan kepada jemaah sebelum kursus dan latihan dijalankan.	Pegawai Umrah
4.	Beri kursus dan latihan yang merangkumi persiapan sebelum dan semasa di Tanah Suci serta ibadat umrah.	Pegawai Umrah
5.	Kendalikan sesi soal-jawab dengan jemaah.	Pegawai Umrah

## ii. Carta Aliran Kerja Bagi Penyediaan Kursus Bimbingan Dan Bahan Rujukan



## iii. Senarai Semak Bagi Penyediaan Kursus Bimbingan Dan Bahan Rujukan

Bil.	Tindakan	Ditanda (✓)
1.	Kenalpasti jadual keberangkatan jemaah.	
2.	Buat persediaan logistik seperti berikut:	
	a. Penceramah.	
	b. <i>PA System</i> .	
	c. <i>White board</i> .	
	d. <i>Marker pen</i> .	
	e. Dewan/ tempat ceramah.	
3.	Edar bahan rujukan dan bacaan kepada jemaah.	
4.	Beri kursus dan latihan persiapan dan semasa melaksanakan umrah.	
5.	Sesi soal jawab bersama jemaah.	


## b) Proses Penyediaan Petugas Atau Pegawai Bimbingan

Penyediaan petugas atau pegawai bimbingan yang cekap, berpendidikan dan berpengalaman bagi tugas-tugas pengendalian jemaah umrah di Tanah Suci akan memudahkan dan melicinkan lagi proses bimbingan dan pengawasan ke atas para jemaah. Kualiti penyampaian maklumat yang diberikan kepada para jemaah dapat membantu mereka memahami tatacara mengerjakan ibadat tersebut dengan lebih jelas.

### i. Proses Kerja Bagi Penyediaan Petugas Atau Pegawai Bimbingan

Bil.	Proses Kerja	Pegawai / Jabatan Yang Meluluskan / Dirujuk
1.	Pilih petugas atau Pegawai Bimbingan dengan berdasarkan: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Bilangan jemaah dalam sesuatu penerbangan.</li> <li>- Pengalaman bertugas di Tanah Suci.</li> <li>- Berpengetahuan dalam bidang agama</li> <li>- Sokongan dari Pengarah Urusan Agensi.</li> <li>- Tiada rekod aduan negatif dari jemaah terhadap petugas tersebut.</li> </ul>	Pengurus Umrah
2.	Hantar senarai nama petugas atau Pegawai Bimbingan kepada Pengurus Bahagian Penerbangan untuk kelulusan dan pengeluaran surat pelantikan petugas.	Pengurus Umrah
3.	Buat tempahan penerbangan dan penginapan petugas atau Pegawai Bimbingan serta uruskan permohonan visa umrah.	Pengurus Umrah
4.	Buat taklimat kepada petugas atau Pegawai Bimbingan yang terpilih sebelum tarikh berlepas. <ul style="list-style-type: none"> <li>- Maklumat ketibaan jemaah.</li> <li>- Tugas dan tanggungjawab.</li> <li>- <i>Flow</i> perjalanan (pergi hingga pulang).</li> <li>- Senarai nama jemaah.</li> <li>- Kelengkapan yang perlu seperti telefon bimbit, orang yang perlu dihubungi dan sebagainya).</li> </ul>	Pengurus Umrah

**ii. Carta Aliran Kerja Bagi Penyediaan Petugas Atau Pegawai Bimbingan**



**iii. Senarai Semak Bagi Penyediaan Petugas Atau Pegawai Bimbingan**


Bil.	Tindakan	Ditanda (✓)
1.	Pilih petugas atau Pegawai Bimbingan mengikut kelayakan.	
2.	Serah senarai nama petugas atau Pegawai Bimbingan kepada Pengurus Bahagian Penerbangan.	
3.	Buat tempahan penerbangan dan penginapan petugas atau Pegawai Bimbingan.	
4.	Terangkan tugas dan tanggungjawab petugas atau Pegawai Bimbingan.	
5.	Beri penerangan mengenai aturcara perjalanan dan maklumat jemaah.	

**c) Proses Semakan Dokumen Para Jemaah**

**i. Proses Kerja Bagi Semakan Dokumen Para Jemaah**

Bil.	Proses Kerja	Pegawai / Jabatan Yang Meluluskan / Dirujuk
1.	Setiap dokumen pendaftaran setiap jemaah hendaklah difailkan.	Pegawai Umrah
2.	Kenalpasti jadual penerbangan setiap jemaah.	Pegawai Umrah
3.	Memastikan setiap jemaah mempunyai rekod pendaftaran yang sah sebelum penerbangan.	Pegawai Umrah
4.	Lakukan semakan dokumen setiap jemaah sebelum penerbangan. - Pasport. - Dokumen sokongan. - Gambar.	Pegawai Umrah
5.	Memperingatkan setiap jemaah tentang kepentingan dokumen perjalanan.	Pegawai Umrah

**ii. Carta Aliran Kerja Bagi Semakan Dokumen Para Jemaah**





**iii. Senarai Semak Bagi Semakan Dokumen Para Jemaah**

<b>Bil.</b>	<b>Tindakan</b>	<b>Ditanda (✓)</b>
1.	Failkan dokumen pendaftaran setiap jemaah (maklumat peribadi, salinan visa dan pasport).	
2.	Kenalpasti jadual penerbangan setiap jemaah.	
3.	Memastikan setiap jemaah mempunyai rekod pendaftaran yang sah.	
4.	Buat semakan dokumen perjalanan sebelum penerbangan.	
5.	Memperingatkan setiap jemaah mengenai kepentingan dokumen perjalanan yang sah.	

## PENGURUSAN SEMASA UMRAH (PENGURUSAN DI TANAH SUCI)

### a) Proses Pengendalian Penerbangan Udara

Proses ini adalah untuk memastikan bahawa setiap jemaah umrah mendapat tempat dalam penerbangan mengikut tarikh dan masa yang telah ditetapkan.


#### i. Proses Kerja Bagi Pengendalian Penerbangan Udara


Bil.	Proses Kerja	Pegawai / Jabatan Yang Meluluskan / Dirujuk
1.	Buat tempahan bertulis pada syarikat penerbangan dengan menyatakan tarikh dan jumlah penumpang.	Pegawai Umrah
2.	Dapatkan pengesahan daripada syarikat penerbangan mengandungi nombor PNR dan jumlah tempat duduk melalui surat atau melalui <i>system on-line</i> .	Pegawai Umrah
3.	Buat bayaran deposit kepada syarikat penerbangan.	Pegawai Umrah
4.	Terima tempahan tempat duduk daripada jemaah. Direkodkan ke dalam fail tempahan mengikut tarikh berlepas.	Pegawai Umrah
5.	Membuat senarai nama mengikut tarikh atau nombor PNR berserta tarikh berlepas dan dihantar atau difakskan kepada syarikat penerbangan (senarai nama hendaklah di hantar 30 hari sebelum berlepas).	Pegawai Umrah
6.	Semak butiran bayaran deposit atau bayaran penuh oleh jemaah.	Pegawai Umrah
7.	Keluarkan tiket berdasarkan tarikh penerbangan untuk permohonan visa.	Pegawai Umrah

Bil.	Proses Kerja	Pegawai / Jabatan Yang Meluluskan / Dirujuk
8.	Setelah menerima tiket, buat semakan nama jemaah. Jika terdapat kesilapan, tiket dikembalikan ke syarikat penerbangan untuk pembetulan.	Pegawai Umrah
10.	Kepilkan tiket untuk urusan visa.	Pegawai Umrah
11.	Setelah visa diluluskan, buat semakan terhadap pasport dan buat salinan fotokopi muka surat pertama serta muka surat visa untuk difailkan.	Pegawai Umrah
12.	Isikan borang <i>entry card</i> dan bawa dokumen ini ke lapangan terbang untuk urusan <i>advance check-in</i> pada tarikh berlepas.	Pegawai Umrah
13.	Dapatkan <i>boarding pass</i> dari syarikat penerbangan.	Pegawai Umrah
14.	Serahkan pasport serta <i>boarding pass</i> kepada jemaah dan daftar masuk barang.	Pegawai Umrah
15.	Serahkan <i>luggage tag</i> kepada setiap jemaah yang mempunyai beg.	Pegawai Umrah

Nota: *Muassasah* akan menyediakan perkhidmatan bagi urusan pengangkutan darat kepada para jemaah. Walaubagaimanapun agensi pengelola umrah **wajib** memastikan bahawa setiap urusan tersebut dilaksanakan dengan baik dan teratur.

## ii. Carta Aliran Kerja Bagi Pengendalian Penerbangan Udara





### iii. Senarai Semak Bagi Pengendalian Penerbangan Udara

Bil.	Tindakan	Ditanda (✓)
1.	Buat tempahan bertulis dengan syarikat penerbangan.	
